



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' ROSOL BIN WAHID  
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENUTUP  
CABARAN INTERAKTIF PENGGUNA  
KELAB PENGGUNA SEKOLAH (CIP KPS)  
TAHUN 2022  
PERINGKAT KEBANGSAAN**

**PRIMULA BEACH RESORT, KUALA TERENGGANU  
19 OKTOBER 2022 (RABU)**

**[SENARAI SALUTASI]**

**YANG BERBAHAGIA DATUK AZMAN MOHD YUSOF,**  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)

**YANG BERBAHAGIA DATIN ROSZANINA WAHAB,**  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENDAYAUPAYAAN  
PENGGUNA DAN PENGURUSAN) KPDNHEP

**YANG BERUSAHA TUAN HAJI ABDUL MUIE NGAH,**  
PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

**YANG BERUSAHA ENCIK ADIRATNO CHE ANI,**  
PENGARAH BAHAGIAN GERAKAN KEPENGGUNAAN,  
KPDNHEP

**YANG BERUSAHA ENCIK SAHARUDDIN MOHD KIA,**  
PENGARAH KPDNHEP TERENGGANU

BARISAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KPDNHEP, GURU-  
GURU PENASIHAT KELAB PENGGUNA SEKOLAH

ANAK-ANAK PELAJAR YANG JUGA PESERTA CABARAN  
INTERAKTIF PENGGUNA KELAB PENGGUNA SEKOLAH  
2022 PERINGKAT KEBANGSAAN

RAKAN-RAKAN MEDIA SERTA HADIRIN DAN HADIRAT  
YANG DIHORMATI SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WBTH DAN SALAM KELUARGA  
MALAYSIA.

## **MUKADIMAH**

1. PERTAMA SEKALI, MARILAH KITA MEMANJATKAN SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAN KURNIA-NYA DAPAT KITA SAMA-SAMA BERKUMPUL DAN MERAIKAN PROGRAM CABARAN INTERAKTIF PENGGUNA KELAB PENGGUNA SEKOLAH (CIP KPS) TAHUN 2022 PERINGKAT KEBANGSAAN DI KUALA TERENGGANU, PADA HARI INI.

2. MEWAKILI KPDNHEP, SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA YANG MENYOKONG PENUH PENGANJURAN CIP KPS INI BAGI MEMUPUK KESEDARAN DAN PENDEDAHAN TERHADAP PENDIDIKAN KEPENGGUNAAN KEPADA GENERASI PENGGUNA MUDA. UCAPAN SYABAS JUGA SAYA ZAHIRKAN KEPADA PIHAK SEKOLAH YANG TERLIBAT TERUTAMA GURU-GURU PENASIHAT KELAB PENGGUNA SEKOLAH (KPS) YANG BEGITU KOMITED BERSAMA-SAMA KPDNHEP DALAM MENJAYAKAN PROGRAM MENDIDIK DAN MELAHIRKAN GENERASI MASA DEPAN NEGARA KITA

SEBAGAI PENGGUNA YANG BERILMU, BIJAK DAN BERTANGGUNGJAWAB, INSYAALLAH.

3. SETINGGI PENGHARGAAN JUGA SAYA ZAHIRKAN ATAS KERJASAMA DAN KOMITMEN SEMUA PIHAK YANG BERJAYA MENGANJURKAN CIP KPS TAHUN 2022 INI IAITU BAHAGIAN GERAKAN KEPENGGUNAAN KPDNHEP, KPDNHEP TERENGGANU, MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU, HOTEL PRIMULA BEACH RESORT SERTA PIHAK-PIHAK LAIN YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG DALAM MENJAYAKAN PROGRAM INI. TENTUNYA TIDAK DILUPAKAN, SYABAS DAN TAHNIAH BUAT ANAK-ANAK PELAJAR SEKOLAH YANG JUGA PESERTA CIP KPS PADA KALI INI YANG TELAH BERJAYA MENAMATKAN CABARAN DENGAN PENUH SEMANGAT DAN CEMERLANG. TAHNIAH SEMUA.

**HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,**

4. UNTUK MAKLUMAN, CABARAN INTERAKTIF PENGGUNA KELAB PENGGUNA SEKOLAH (CIP KPS) INI ADALAH PROGRAM TAHUNAN ANJURAN BERSAMA KPDNHEP DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA, YANG MELIBATKAN PENYERTAAN AHLI-AHLI KPS DARI SELURUH NEGARA. SEJAK

**PENUBUHANNYA PADA TAHUN 1995, KPS TELAH BERFUNGSI SEBAGAI NADI PENGGERAK PENDIDIKAN KEPENGGUNAAN DI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH.**

5. **BERDASARKAN DATA SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2022, SEBANYAK 2,030 SEKOLAH TELAH MENUBUHKAN KPS MELIBATKAN PENYERTAAN SERAMAI 69,178 PELAJAR SEBAGAI AHLINYA. SEBAGAI BEKAS PENDIDIK, SAYA INGIN MELIHAT LEBIH BANYAK SEKOLAH MENDAFTARKAN KELAB PENGGUNA SEKOLAH DI SEKOLAH MASING-MASING BAGI MENYEBARLUAS KEFAHAMAN DAN KESEDARAN MENGENAI HAK-HAK PENGGUNA BERMULA DARI PERINGKAT AKAR UMBI. ASAS YANG KUKUH DALAM MELAHIRKAN PENGGUNA BESTARI DAN TAHU SERTA BERANI MENGGUNAKAN HAK MEREKA PERLU BERMULA DI PERINGKAT SEKOLAH LAGI.**

6. **UNTUK MAKLUMAN, FOKUS UTAMA KPS INI MELIPUTI EMPAT (4) ASPEK UTAMA YANG PRAKTIKAL DAN MUDAH DIAPLIKASIKAN SESUAI DENGAN PERINGKAT USIA PELAJAR IAITU KESEDARAN DAN HAK PENGGUNA, PERBELANJAAN BERHEMAH, PEMAKANAN SEIMBANG DAN PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR.**

7. CABARAN INTERAKTIF PENGGUNA YANG DIANJURKAN PADA KALI INI MERUPAKAN SALAH SATU AKTIVITI DI BAWAH KPS YANG TELAH MULA DILAKSANAKAN PADA 2011 BAGI MENGGANTIKAN PERTANDINGAN KUIZ PENGGUNA ANTARA SEKOLAH MENENGAH. **ANTARA OBJEKTIF PELAKSANAAN CIP IALAH UNTUK MEMUPUK SIKAP KEPIMPINAN DAN NILAI-NILAI MURNI DI KALANGAN ANAK-ANAK MUDA, MENINGKATKAN PENGETAHUAN, DAYA KREATIVITI, INOVASI DAN POTENSI PARA PELAJAR DALAM PELBAGAI ASPEK KEPENGGUNAAN MENERUSI METODOLOGI YANG LEBIH MENARIK.**

8. PADA TAHUN INI, SAYA DIMAKLUMKAN CABARAN INTERAKTIF PENGGUNA MELIBATKAN PENYERTAAN **2,536 PELAJAR DARI 634 BUAH SEKOLAH** SELURUH NEGARA. PASUKAN TERBAIK BAGI SETIAP NEGERI TELAH MEWAKILI NEGERI MASING-MASING BAGI CABARAN INTERAKTIF PENGGUNA PERINGKAT KEBANGSAAN YANG DIADAKAN SEMALAM DI PANTAI BARU BURUK, KUALA TERENGGANU. **SAYA DIFAHAMKAN ANAK-ANAK PELAJAR TELAH MELUNASKAN 10 CABARAN YANG MENGUJI FIZIKAL DAN MINDA MEREKA MENGENAI ISU KEPENGGUNAAN, SELAIN MENGADAKAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE MUZIUM NEGERI TERENGGANU DAN PASAR BESAR**

**KEDAI PAYANG. TAHNIAH DAN SYABAS SAYA UCAPKAN KEPADA SEMUA PASUKAN YANG BERTANDING.**

**9. BESAR HARAPAN SAYA AGAR PROGRAM SEUMPAMA INI MENJADI PLATFORM TERBAIK BAGI PEMBELAJARAN INTERAKTIF YANG EFEKTIF DALAM USAHA MEMBENTUK GENERASI PENGGUNA MUDA, KHUSUSNYA DI PERINGKAT SEKOLAH AGAR MENJADI SEORANG PENGGUNA YANG BERILMU, BIJAK DAN BERTANGGUNGJAWAB.**

**HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

**10. PEPATAH MELAYU ADA MENYATAKAN "MELENTUR BULUH BIARLAH DARI REBUNGNYA". SESUNGGUHNYA CIP KPS INI MENEPATI PEPATAH TERSEBUT. APATAH LAGI DALAM SITUASI EKONOMI GLOBAL YANG TIDAK MENENTU DENGAN MASALAH INFLASI DAN SITUASI KETIDAKSTABILAN HARGA BARANG YANG DIJANGKA MELEWATI TAHUN 2023, NEGARA MEMERLUKAN PROFIL PENGGUNA DAN PERSATUAN PENGGUNA YANG BERBEZA DARI APA YANG KITA ADA SEKARANG. KITA HARUS MELESTARIKAN BUDAYA KEPENGGUNAAN YANG MATANG, RASIONAL DAN BERDAYA-UPAYA ITU DARI SEKARANG DENGAN MENGGEMBELING PENGGUNA**

**MUDA SEBAGAI AGEN PERUBAHAN YANG PERLU DILENGKAPI DENGAN ILMU KEPENGGUNAAN MELIPUTI PELBAGAI ASPEK SOSIAL, KEWANGAN, EKONOMI DAN PERSEKITARAN SEMASA. SAYA YAKIN SATU HARI NANTI ISU INFLASI DAN HARGA BARANG DI NEGARA KITA AKAN DAPAT DIATASI DENGAN TUNTAS MELALUI KUASA PENGGUNA YANG JITU, TANPA PERLU KERAJAAN MEMBELANJAKAN PERUNTUKAN SUBSIDI YANG TERLALU BESAR YANG BOLEH MEMBERI KESAN KEPADA EKONOMI NEGARA.**

**11. SAYA JUGA INGIN MENARIK PERHATIAN HADIRIN SEKALIAN TERHADAP KAJIAN INDEKS PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA (CEI) YANG MENUNJUKKAN INDEKS KITA BERADA PADA TAHAP 63.1%. INDEKS INI MENUNJUKKAN BAHAWA PENGGUNA DI NEGARA KITA MASIH BELUM BENAR-BENAR MENGHAYATI DAN MEMPRAKTIKKAN HAK-HAK MEREKA SEBAGAI PENGGUNA. JADI DISINILAH PENTINGNYA USAHA DAN INISIATIF SEPERTI INI DILAKSANAKAN TERUTAMA DI PERINGKAT SEKOLAH UNTUK MEMBENTUK PENGGUNA YANG PEKA AKAN HAK DAN BIJAK MENGGUNAKAN KUASA SEBAGAI PENGGUNA. DALAM ERTI KATA LAIN, PENGGUNA BIJAK JUGA PERLU MEMPUNYAI KEMAHIRAN YANG BAIK DALAM MENGURUS**



**KEWANGAN, MEMBUAT PILIHAN DAN PERBELANJAAN SERTA CAKNA UNDANG-UNDANG YANG BOLEH MENJADI BENTENG DARIPADA PENINDASAN PENIAGA ATAU PIHAK TIDAK BERTANGGUNGJAWAB.**

**12. DI NEGARA MAJU, KUASA PENGGUNA SANGAT BERKESAN DALAM MENENTUKAN HARGA BARANGAN. MENGAMBIL CONTOH DI AMERIKA SYARIKAT, KOMUNITI PENGGUNA BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN BERSATU HATI MENGGUNAKAN KUASA MEREKA DENGAN BERANI SEHINGGA MAMPU MEMBERI KESAN KEPADA PENIAGA DAN EKONOMI. HAL YANG SAMA PATUT DIPRAKTIKKAN OLEH PENGGUNA DI NEGARA INI. JADIKAN AMALAN UNTUK SENTIASA BUAT PERBANDINGAN HARGA, UTAMAKAN BARANGAN TEMPATAN YANG TIDAK KURANG KUALITINYA TETAPI LEBIH MURAH DAN MENJIMATKAN BELANJA DAN SEGERA BUAT ADUAN KEPADA KPDNHEP SEKIRANYA ADA PENIAGA TIDAK BERETIKA. JIKA AMALAN INI DAPAT DISUBURKAN, SAYA YAKIN MATLAMAT MEMPERKASAKAN KOMUNITI PENGGUNA BESTARI DAN MEMPERTINGKATKAN INDEKS KUASA PENGGUNA ITU AKAN LEBIH MUDAH UNTUK DIREALISASIKAN.**

13. SEHUBUNGAN ITU, KPDNHEP SELAKU KEMENTERIAN YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGGUNA SENTIASA MENYOKONG PENUH SEGALA AKTIVITI KEPENGGUNAAN YANG DILAKSANAKAN OLEH PELBAGAI PIHAK BAGI MENYEBARLUAS KESEDARAN DAN KEPENTINGAN TERHADAP HAK-HAK PENGGUNA KEPADA MASYARAKAT.

14. KPDNHEP JUGA SENTIASA KOMITED UNTUK MEMPERKASAKAN PROGRAM ADVOKASI KEPENGGUNAAN MELALUI KERJASAMA STRATEGIK DENGAN PELBAGAI PIHAK SEPERTI KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI DAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN. INGIN SAYA KONGSIKAN, SELAIN KPS, DI BAWAH KPDNHEP TERDAPAT **SATU PERSATUAN YANG MELIBATKAN PENGGUNA MUDA IAITU GERAKAN PENGGUNA SISWA (GPS) YANG MEMFOKUSKAN PENDIDIKAN DAN PENDEDAHAN KEPENGGUNAAN KEPADA GOLONGAN MAHASISWA.** DUA PERSATUAN INI MERUPAKAN PLATFOM TERBAIK UNTUK KEMENTERIAN BERINTERAKSI SECARA LANGSUNG DENGAN PENGGUNA MUDA MELALUI PELBAGAI AKTIVITI KEPENGGUNAAN YANG DIGERAKKAN SEPANJANG TAHUN.

**15. MALAH, JIKA ADA YANG BELUM TAHU, KPDNHEP TURUT MEMPUNYAI KUMPULAN GERAKAN KEPENGGUNAAN DIKENALI SEBAGAI RAKAN KPDNHEP YANG DAHULUNYA PERNAH DIKENALI SEBAGAI SKUAD PENGGUNA. KEAHLIAN SEBAGAI RAKAN KPDNHEP INI ADALAH SECARA SUKARELA DAN DITUBUHKAN BERTUJUAN MENJADI MATA DAN TELINGA KEMENTERIAN ATAU DALAM KATA LAIN MELAKUKAN PEMANTAUAN SECARA SUKARELA MELALUI KONSEP MEMBELI BELAH SAMBIL MEMANTAU DAN MELAPORKAN KEPADA KEMENTERIAN SEKIRANYA TERDAPAT PERLANGGARAN UNDANG-UNDANG ATAU ETIKA OLEH PENIAGA DAN INDUSTRI PERUNCITAN.**

**16. WALAUPUN MENGIKUT REKOD LEBIH 811,000 PENGGUNA BERDAFTAR SEBAGAI RAKAN KPDNHEP, PERANAN GERAKAN SUKARELA INI DILIHAT MASIH KURANG MENYERLAH. OLEH ITU KEMENTERIAN SEDANG MELIHAT UNTUK MEMPERKASAKAN SEMULA GERAKAN INI DENGAN BEBERAPA PENAMBAHBAIKAN DAN NAFAS BARU YANG SEKALIGUS DAPAT MENJADIKAN RAKAN KPDNHEP SATU ENTITI SOKONGAN SUKARELA YANG MANTAP, DAPAT MEMBANTU KPDNHEP MENANGANI ISU-ISU KEPENGGUNAAN SECARA LEBIH BERKESAN DAN**

**MENYEBARKAN MAKLUMAT KEPENGGUNAAN DENGAN LEBIH MELUAS.**

17. DALAM MASA SAMA, SAYA AMAT BERHARAP AGAR AKTIVITI-AKTIVITI KEPENGGUNAAN DI PERINGKAT SEKOLAH DIPERBANYAKKAN DAN DIPERLUASKAN. SARANAN SAYA AGAR **AHLI KPS BOLEH MENJADI DUTA KECIL KPDNHEP DENGAN MENYEBARLUASKAN MAKLUMAT DAN DIKONGSI BUKAN SAHAJA DI PERINGKAT AHLI-AHLI KPS BAHKAN DIKONGSI BERSAMA RAKAN, WARGA SEKOLAH, AHLI KELUARGA DAN MASYARAKAT SETEMPAT.**

18. SEKIRANYA PARA PELAJAR TELAH BERJAYA MELANJUTKAN PENGAJIAN KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TEMPATAN, SAYA MENGGALAKKAN AGAR **ANAK-ANAK SEMUA TERUS AKTIF DENGAN PROGRAM KEPENGGUNAAN DENGAN MENYERTAI GERAKAN PENGGUNA SISWA (GPS).**

19. SUKA SAYA MENINGKATKAN BAHAWA ILMU DAN MAKLUMAT KEPENGGUNAAN YANG SAUDARA SAUDARI PEROLEHI, KONGSIKANLAH DENGAN KELUARGA, RAKAN-RAKAN DAN ORANG SEKELILING. BANTU MEREKA UNTUK LEBIH FAHAM ISU-ISU KEPENGGUNAAN SEMASA DAN HAK

SEBAGAI PENGGUNA KERANA PENGGUNA YANG BESTARI DAPAT MEWUJUDKAN EKOSISTEM EKONOMI YANG HARMONI.

## **PENUTUP**

**HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

**20. BESARLAH HARAPAN KPDNHEP AGAR PROGRAM INI MAMPU MEMBENTUK SATU ASAS BUDAYA KEPENGGUNAAN YANG HOLISTIK DAN KONSISTEN DI KALANGAN GOLONGAN PELAJAR, YANG MERUPAKAN KUMPULAN PENGGUNA GENERASI BARU (*NEW CONSUMER GROUP*) YANG BAKAL MEMPUNYAI KUASA BELI SENDIRI DAN BERUPAYA MEMPENGARUHI PASARAN PADA SUATU HARI NANTI. SAYA BERHARAP AGAR MOMENTUM SEDIA ADA INI DAPAT DIKEKALKAN MALAH DIPERTINGKATKAN LAGI PADA MASA HADAPAN.**

**21. SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN INI, SAYA MEWAKILI KEMENTERIAN SANGAT BERBESAR HATI UNTUK MENGUMUMKAN PEMBERIAN SUMBANGAN RM100 DALAM BENTUK E-WALLET KEPADA SETIAP PESERTA YANG BERTANDING DALAM CIP KPS 2022 PERINGKAT AKHIR INI. SAYA SEKALI LAGI INGIN MERAKAMKAN**

SETINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG DALAM MENJAYAKAN PROGRAM INI. JUGA TAHNIAH DAN SYABAS BUAT SEMUA ANAK-ANAK PELAJAR YANG MENYERTAI DAN YANG MEMENANGI CABARAN INTERAKTIF PENGGUNA KELAB PENGGUNA SEKOLAH PERINGKAT KEBANGSAAN INI.

22. DENGAN LAFAZ SUCI BISMILLAHI 'ALA BARAKATILLAH, SAYA DENGAN SUKACITA **MERASMIKAN PERASMIAN PENUTUPAN PROGRAM CABARAN INTERAKTIF PENGGUNA KELAB PENGGUNA SEKOLAH (CIP KPS) TAHUN 2022 PERINGKAT KEBANGSAAN.**

WABILLAHITTAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH. SEKIAN, TERIMA KASIH.